

STARTUP TEMPATAN BERTANDING DI PERINGKAT GLOBAL DI KONGRES AIM 2024, RANGKUL TEMPAT TERATAS DALAM PERTANDINGAN *PITCHING*

KUALA LUMPUR, 28 Mei 2024 – Dua *startup* Malaysia, Foqcus Sdn Bhd dan Qarbotech Sdn Bhd, yang mewakili delegasi Malaysia di Kongres Mesyuarat Pelaburan Tahunan (AIM) 2024 di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), telah merangkul tempat kedua dan ketiga dalam pertandingan pembentangan pendek (*pitching*), *AIM Startup Pitch Competition*, yang mana kemenangan mereka menunjukkan minat pasaran global terhadap inovasi dan teknologi tempatan.

Focqus mempamerkan inovasinya bagi peringkat Pra-Pembentukan (*Pre-Seed*), manakala Qarbotech bersaing untuk peringkat Pembentukan (*Seed*) bersama *startup* antarabangsa dari pasaran utama seperti Amerika Syarikat, Rusia, China, Korea Selatan, Jepun, Hong Kong, Uganda, India, dan UAE.

Focqus, yang juga penerima geran CIP Sprint daripada Cradle, merangkul tempat kedua dan menerima ASD10,000 untuk usaha niaganya. Startup ini memberi fokus kepada identifikasi bagi produk digital, kebolehkesanan, dan perisikan data (*data intelligence*) melalui kod QR yang dikenali sebagai SmartKood. SmartKood menyediakan penyelesaian berintegrasi merangkumi analitik data raya hingga aktiviti yang melibatkan pengguna.

Bagi kategori peringkat Pembentukan, Qarbotech, sebuah syarikat penerima pelaburan daripada Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP), merangkul tempat ketiga dengan ASD5,000 dalam pertandingan tersebut. Qarbotech telah dipilih oleh MAVCAP sebagai salah satu *startup* untuk menyertai delegasi Malaysia. Produk Qarbotech khusus dalam penyelesaian “bioserasi” (*biocompatible*) yang dicipta untuk meningkatkan kadar fotosintesis tumbuhan, mempercepat kitaran tanaman, dan menggalakkan pertumbuhan.

Diketuai oleh Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI), bersama agensi-agensi di bawah bidang kuasanya termasuk Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI), Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), dan MAVCAP, delegasi Malaysia terdiri daripada sembilan (9) *startup* daripada pelbagai sektor.

Startup berkenaan adalah Aerodyne Ventures Sdn Bhd (DT3 - teknologi dron, data, dan transformasi digital), Umrahme (teknologi pelancongan), Braintree Technologies Sdn Bhd (kecerdasan buatan dan robotik), Gobuilders Netsoft Sdn Bhd atau GOLOG (logistik), MoneyMatch Sdn Bhd (teknologi kewangan), Sonicboom Sdn Bhd (teknologi kewangan), DF Automation & Robotics Automotive Sdn Bhd (IoT dan robotik), Foqcus (teknologi data), dan Qarbotech (AgTech).

Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, menyatakan perasaan bangga akan kejayaan Foqcus dan Qarbotech, dalam masa yang sama, menekankan tentang potensi inovasi dan keusahawanan *startup* Malaysia, “Kami bangga

dengan Foqcus dan Qarbotech atas pencapaian mereka di Kongres AIM 2024 kerana kejayaan mereka mencerminkan inovasi, dedikasi, dan ekosistem *startup* Malaysia yang unggul di peringkat global. Dengan sokongan dan peluang yang diberikan, kami yakin bahawa mereka akan terus melangkaui sempadan dan melakar masa hadapan industri startup di seluruh dunia,” tambah Norman.

“Saya berbesar hati untuk bersama-sama dengan rakan-rakan *startup* yang lain mewakili Malaysia di peringkat global. Kemenangan ini bukan sahaja menjadi bukti kepada bakat dan inovasi unggul negara kita, tetapi juga sokongan berterusan yang kami terima daripada Kerajaan. Jelas bahawa inilah visi negara, iaitu untuk mempamerkan bakat dan inovasi tempatan di peringkat antarabangsa yang menjadi kebanggaan kita semua,” kata Bryant Kooh, Pengasas Foqcus.

“Kejayaan Qarbotech merupakan bukti semangat inovatif dan keusahawanan Malaysia dalam memperkasakan petani kecil melalui penyelesaian teknologi kami. Penyertaan kami dalam *AIM Startup Pitch Competition* bersama *startup* tempatan yang lain merupakan pencapaian penting kami kerana ia membantu mempamerkan teknologi yang dibangunkan secara tempatan di peringkat global. Kami percaya bahawa teknologi kami dapat memberi impak yang bermakna, dan kami teruja untuk berkongsi teknologi kami di pasaran antarabangsa,” kata Chor Chee Hoe, Ketua Pegawai Eksekutif Qarbotech.

Selain itu, dua *startup* yang dibiayai oleh Cradle, MoneyMatch dan GOLOG, juga menjalin kerjasama dengan syarikat berpusat di UAE sebagai sebahagian daripada misi perniagaan mereka ke Kongres AIM 2024. MoneyMatch, salah satu penerima program geran Cradle, CIP300, dan syarikat penerima pelaburan Cradle Seed Ventures, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Trade Foresight untuk meneroka integrasi penyelesaian pembayaran rentas sempadan melalui ujian perintis yang melibatkan pelanggan Trade Foresight untuk memudahkan transaksi dengan anggaran jumlah transaksi bulanan antara RM10 juta hingga RM15 juta. Sementara itu, GOLOG, yang juga salah satu penerima CIP300, menandatangani MoU dengan Royal Eficaz General Trading LLC dari UAE untuk menarik dan mendapatkan pelaburan besar dengan sasaran ASD150 juta.

Delegasi MOSTI, yang diketuai oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI, juga menampilkkan YBrs. Ts. Dr. Raslan Ahmad, Naib Presiden Kanan MIGHT, yang membentangkan sebuah sesi bertajuk “*Designing the Future of Cities: Innovation, Sustainability, and Community Engagement*” di mana beliau berkongsi pandangan tentang cabaran perancangan bandar serta peranan penting MIGHT dan Malaysia Smart Cities Alliance (MSCA) dalam memajukan bidang bandar pintar.

AIM Startup Pitch Competition, acara tahunan yang dianjurkan oleh AIM Startup, merupakan sebuah platform untuk memupuk inovasi, semangat persaingan, dan kepimpinan dalam kalangan *startup* teknologi. Berlangsung dari 7 hingga 9 Mei 2024 di Pusat Pameran Kebangsaan Abu Dhabi (ADNEC), Kongres AIM ke-13 ini dijangka menarik pengunjung dari pelbagai negara dan menjanjikan pengalaman yang menarik serta dinamik untuk menjalin rangkaian dan kerjasama dalam kalangan pemain industri.

TAMAT

Mengenai Cradle

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) ialah agensi fokal untuk ekosistem startup Malaysia yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada tahun 2003 dengan seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Cradle menyumbangkan kadar pengkomersialan tertinggi dalam kalangan geran kerajaan dengan lebih daripada 1,000 startup teknologi dibiayai. Cradle kini menawarkan dua geran baharu iaitu CIP Spark dan CIP Sprint, serta menyasarkan pembangunan idea dan pengkomersialan startup teknologi. Cradle juga merupakan peneraju utama bagi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, inisiatif MYStartup dan Angel Tax Incentive (ATIO). Produk yang ditawarkan oleh Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersialan, bimbingan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan pelbagai usahawan masa kini. Visi dan misi Cradle selaras dengan aspirasi MOSTI iaitu untuk mewujudkan 5,000 startup menjelang 2025, melahirkan 10,000 pengekod mahir dan menjadikan Malaysia antara 20 ekosistem startup terbaik dunia menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut mengenai Cradle, sila layari www.cradle.com.my.

Dikeluarkan oleh:

Komunikasi Strategik
Cradle Fund Sdn Bhd
Level 20, Sunway Putra Tower
100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Elmy Fairuz Azmi - elmy@cradle.com.my (+6012-271 3457)
Shaheera Aznam Shah – nur.shaheera@cradle.com.my (+012-933 0825)

[KIT MEDIA](#)